

# Kerajaan sedia terima sebahagian tuntutan

BH 25 DEC 2000

Oleh Ahmad Zaini Kamaruzzaman dan Johari Ibrahim

ALOR STAR, Ahad – Kerajaan bersedia menerima sebahagian daripada tuntutan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu), kecuali yang bertentangan dengan kontrak sosial berhubung hak keistimewaan orang Melayu.

Berikutan itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, adalah tidak menjadi masalah kepada kerajaan untuk menerima tuntutan lain, seperti mengenai hak asasi manusia.

Menurut Perdana Menteri, perkara itu sudah dimaklumkan kepada Suqiu dan berikutan itu kerajaan tidak berhasrat mengadakan pertemuan dengan jawatankuasa berkenaan untuk membincangkannya semula.

## **Perkara itu sudah dimaklumkan kepada Suqiu dan berikutan itu kerajaan tidak berhasrat mengadakan pertemuan dengan jawatankuasa berkenaan untuk membincangkannya semula – PM**

Bagaimanapun, beliau berkata kerajaan belum mempertimbangkan keseluruhan rayuan itu, tetapi tetap dengan pendirian untuk tidak melayan tuntutan berhubung hak keistimewaan orang Melayu.

“Kita belum timbangkan mengenainya (tetapi) kita dah bagi tau Suqiu, iaitu kita tak nak timbang tuntutan yang bercanggah dengan kita punya kontrak sosial.

“Yang lain macam hak asasi manusia...apa semua

tak jadi masalah,” katanya kepada pemberita sejurus tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, di sini hari ini.

Perdana Menteri ditanya mengenai status rayuan yang dikemukakan oleh Suqiu menjelang Pilihan Raya Umum 1999 lalu dan ditimbulkan semula pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas, bulan lalu.

Dr Mahathir dan Datuk Seri Dr Siti Hasmah berada di sini untuk majlis

berbuka puasa bersama rakyat.

Ditanya mengenai maklum balas Suqiu berhubung perkara itu, Perdana Menteri berkata dalam pertemuannya dulu, jawatankuasa itu kelihatan bersetuju bahawa tuntutan mereka adalah keterlaluan.

Bagaimanapun, katanya, Suqiu berpendapat sebaliknya ketika pilihan raya kecil Lunas pada 29 November lalu.

“Saya dah jumpa dulu dengan Suqiu. Saya dah terangkan pada depa dan nampak seolah-olah depa terima tuntutan itu adalah keterlaluan dan tak boleh dilayan.

“Saya fikir tu habislah takat tu. Tapi bila ada pilihan raya Lunas, depa timbul sekali lagi. Jadi nampak kalau jumpa (sekali lagi)

pun kita mungkin tak dapat hasil,” katanya.

Mengenai hasrat Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) mengadakan perhimpunan umat Melayu sebagai membantah tindakan tuntutan Suqiu, Dr Mahathir berkata terlalu banyak yang sudah diperkatakan bagi mengurangkan ketegangan.

Katanya, adalah tidak wajar hanya satu pihak yang perlu mengambil tindakan mengendurkan ketegangan, manakala pihak yang satu lagi enggan berbuat demikian.

“Kita dah bagi pendapat supaya kurangkan (ketegangan). Sekarang nak kurang satu pihak saja tak bolehlah. Orang yang cetuskan ketegangan juga patut kurangkan,” katanya.